

06 DEC 2003

Abdullah-BN

BN PUNYA REKOD BAIK DALAM PENTADBIRAN NEGARA, KATA PM

MELAKA, 6 Dis (Bernama) -- Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang telah mentadbir negara ini sejak merdeka mempunyai rekod yang baik dalam memaju serta membangunkan Malaysia dan kecemerlangan itu dapat diteruskan dengan sokongan rakyat secara berterusan.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata rekod kerajaan BN selain memajukan negara, ia juga dibuktikan dengan usaha bersungguh-sungguh di peringkat kerajaan negeri yang di bawah pemerintahan BN di seluruh negara.

"Saya menghargai sokongan rakyat pada BN untuk mencapai kekuatan yang lebih hebat lagi di masa akan datang, rekod kerajaan BN adalah baik dan terus beri sokongan pada kerajaan BN... InsyaAllah kita kerjasama bersama," katanya ketika berucap pada Jamuan Perdana Aidilfitri di Hang Tuah Mall, di sini malam ini.

Ini merupakan lawatan pertama Abdullah ke Melaka selepas beliau mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima pada 31 Okt lepas.

Perdana Menteri berkata lebih kuat sokongan rakyat kepadanya, beliau akan terus bekerja untuk memajukan negara agar muncul sebagai antara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

"Sokongan tuan-tuan sebenarnya bukan sahaja inspirasi kepada saya, tapi ubat untuk terus bekerjasama dengan saya dan bukannya bekerja untuk saya," katanya.

Perdana Menteri turut berterima kasih kepada Tun Dr Mahathir Mohamad yang telah meninggalkan satu warisan dengan cemerlang kepadanya dan berjanji untuk memastikan kecemerlangan itu diteruskan sehingga mencapai matlamat negara maju pada tahun 2020.

Beliau berkata dalam mencapai matlamat itu, sekiranya perlu berlaku perubahan pada minda, strategi atau cara, ia hendaklah dilakukan agar mencapai wawasan yang telah dirancang itu.

"Kadangkala perlu kita tukar cara, strategi, sekiranya perlu ubah minda untuk capai kejayaan yang lebih besar sedia kita lakukan... (tapi) matlamat tetap tak berubah untuk menjadi negara maju pada tahun 2020," katanya.

Beliau turut berbangga dalam sambutan seperti hari raya, semua rakyat berbilang kaum, bangsa dan agama menunjukkan semangat perpaduan yang kuat serta mesra, selain dapat hidup dalam suasana yang aman dan damai.

"Saya gembira dengan perhimpunan (malam) ini. Saya dah pergi banyak tempat, utara, tengah, pantai timur, Sabah dan kini selatan tanah air, kita lihat dari segi perhimpunan yang ramai semuanya sama, Melayu, Cina, India bergaul mesra," katanya.

Menurutnya perpaduan rakyat adalah kunci kekuatan untuk mempertahankan negara dan menjadikannya sebagai sebuah negara yang berwibawa dan bangsa yang berjaya.

Abdullah turut memuji kemajuan di Melaka yang menyatakan sebagai sebuah negeri yang tidak mempunyai sebarang sumber hasil negeri, tetapi dengan rakyat yang mempunyai ilmu, inspirasi dan semangat untuk bekerja, ia dapat membangunkan Melaka dengan baik.

"Dahulu (sewaktu menjadi Timbalan Perdana Menteri) Pak Lah berjanji untuk membantu dan memajukan Melaka, kini (selepas menjadi Perdana Menteri) Pak Lah tetap akan terus bantu majukan negeri ini," katanya.

Beliau turut menyatakan rasa terharu di atas sambutan orang ramai pada majlis itu yang dianggarkan kira-kira 100,000 orang, serta pemberian kad

raya gergasi berukuran 2X2 meter kepada beliau.

Pada majlis itu, Abdullah turut menerima sebanyak 101,054 tandatangan yang diturunkan oleh rakyat Melaka di atas sehelai kain sepanjang 1 kilometer untuk memberikan sokongan kepada beliau sebagai Perdana Menteri kelima.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Sumber Manusia Datuk Wira Dr Fong Chan Onn, bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba, Anggota Exco Kerajaan Negeri dan wakil-wakil rakyat.

Perhimpunan itu diserikan dengan pertunjukan kebudayaan, nyanyian daripada penyanyi tanah air seperti Uji Rashid, Hail Amir, Latif Ibrahim, Aziz Satar serta kumpulan nasyid Rabbani dan diakhiri dengan pertunjukan bunga api.

-- BERNAMA

SBS NO ROS